

Sungai Petani: Jabatan Alam Sekitar (Jas) Kedah membongkar kegiatan sebuah kilang kitar semula yang disyaki memproses plastik terpakai menjadi pelet makanan ikan, di sini, semalam.

Menteri Sumber Asli dan Kestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, serbuan dijalankan jam 11 pagi menerusi Ops Patuh bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Katanya, kilang kitar semula terbabit dipercayai beroperasi secara haram.

"Hasil pemeriksaan menemukan kira-kira 100 tan plastik yang selesai diproses sebagai pelet dan dibungkus dalam plastik bertulis makanan ikan air tawar.

"Selain itu, kami turut menemukan kira-kira 100 tan plastik terpakai yang belum diproses," katanya ditemui selepas operasi berkenaan.

Selain itu, Nik Nazmi berkata, pihaknya turut menyita lebih 1,500 tan sisa elektronik pada serbuan di sebuah lagi kilang kitar semula, di sini.

Katanya, dua kilang terbabit diambil tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a), AKAS 1974 ke atas mesin-mesin pengeluaran yang diguna pakai di dalam premis tanpa sebarang alat kawalan.

"Serbuan dijalankan di dua kilang terbabit kerana menjalankan pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual (e-waste) tanpa kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan lesen da-



NIK Nazmi menunjukkan sisa buangan elektronik di proses secara haram.

KILANG HARAM DISERBU

Kitar semula plastik jadi pelet makanan ikan

ripada Jas, serta aktiviti kitar semula plastik tanpa EIA," katanya.

Beliau berkata, bagi penguatan kuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) (Akta 127), premis terbabit disiasat di bawah Seksyen 18, AKAS 1974 kerana menjadi kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa mendapat lesen daripada Jas.

Katanya, premis turut disiasat di bawah Seksyen 34A, AKAS, 1974 kerana gagal mengemukakan laporan EIA kepada Jas dan Seksyen 34B, AKAS 1974 kerana menempatkan buangan terjadual tanpa terlebih dahulu mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Katanya, berdasarkan rekod Jas, terdapat 3,526 premis daripada

4M 04/07/24 M/S 25

pelbagai sektor industri yang beroperasi di Kedah.

"Sehingga Jun lalu, Jas menjalankan 544 pemeriksaan penguatan kuasaan terhadap industri di Kedah dengan 359 tindakan penguatan kuasaan sudah diambil," katanya.

Nik Nazmi berkata, NRES sentiasa komited untuk memastikan semua industri yang beroperasi mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 serta lain-lain perundungan yang berkaitan.

"Inisiatif pengawasan pintar yang menggunakan CCTV di kawasan perindustrian serta hot-spot antara langkah proaktif dalam mengekang pelupusan buangan terjadual serta lain-lain jenayah," katanya.